



Sekufu

dalam Perkahwinan

Setiap makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT memiliki nilai fitrah yang tersendiri, seperti keperluan untuk saling melengkapi termasuklah kehidupan berpasangan. Umpamanya, haiwan yang hidup berpasangan merentasi jantina bagi melahirkan generasi demi generasi. Tumbuh-tumbuhan pula berkembang biak melalui proses pendebungaan yang pada akhirnya menghasilkan persenyawaan. Begitulah juga kehidupan manusia. Perkahwinan merupakan jalan kepada manifestasi cinta berlainan jantina yang akan mencipta kebahagiaan, kesenangan dan ketenangan hidup sekali gus mencapai tujuan untuk menambah umat yang akan menyambung legasi warisan berketurunan.

Sebelum mengorak langkah ke gerbang perkahwinan, persoalan memilih pasangan sangat dititikberatkan oleh Islam agar perkahwinan yang akan dibina kelak benar-benar mencapai tujuan dan matlamat berumah tangga. Penekanan tentang hal memilih pasangan ini menjelaskan kepada kita bahawa sesebuah perkahwinan bukan semata-mata berkisar tentang cinta dan kasih sayang, bahkan yang jauh lebih penting ialah soal komitmen dan tanggungjawab bersama. Oleh sebab itu, antara faktor utama yang menjadi nilai untuk memilih pasangan termasuklah sekufu. Perlu difahami bahawa sekufu bukanlah rukun nikah, tetapi hal tersebut menjadi perselisihan dalam kalangan para ulama tentang kedudukan sekufu sama ada termasuk dalam bab syarat sah ataupun syarat lazim.

Perkataan sekufu berasal daripada bahasa Arab yang disebut sebagai *kafa'ah*. Dari sudut bahasa, dalam kitab *al-Munjid fi al-Lughah*, ungkapan *kafa'ah* membawa maksud sama atau seimbang. Dalam *al-Mu'jam al-Wasit*, *al-kafa'ah* merujuk makna sama taraf pada kekuatan dan kemuliaan. Contohnya sekufu dalam perkahwinan, yang bermaksud kedudukan seseorang lelaki setaraf dengan orang perempuan dari sudut pangkat dan agama serta lain-lain. Menurut *Kamus Dewan Perdana* pula, sekufu bermaksud kesamaan darjat, martabat, kedudukan dan sebagainya. Dalam konteks istilah pula, berdasarkan nukilan pengarang kitab *Fiqh al-Manhaji*, sekufu bermaksud persamaan taraf lelaki dan perempuan dari beberapa aspek, antaranya termasuklah dari sudut agama, kesolehan dan pekerjaan.

Dalam ajaran Islam, nilai sekufu merupakan antara faktor yang dituntut untuk menjadi asas pertimbangan sebelum membina sesebuah perkahwinan. Tuntutan mencari nilai sekufu dalam perkahwinan boleh dilihat dalam al-Quran, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Nur* ayat 26 yang bermaksud, "Perempuan yang baik adalah untuk lelaki yang baik, begitu juga lelaki yang baik adalah untuk perempuan yang baik."

Berdasarkan ayat tersebut, jelas bahawa hal tersebut menjadi petunjuk berkenaan dengan nilai sekufu yang dituntut oleh syariat Islam sebelum menuju ke alam perkahwinan. Selain itu, terdapat sebuah hadis riwayat Ibn Majah, daripada Aisyah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Pilihlah yang terbaik untuk zuriat kamu dan juga yang sekufu dengan kamu, dan bernikahlah dengan mereka."

Demikian antara hujah dan bukti yang terdapat dalam al-Quran dan sunah tentang tuntutan syariat bagi mencari nilai sekufu dalam sesebuah perkahwinan. Maka itu, secara ringkas untuk kita fahami, nilai sekufu dituntut oleh Islam sebagai usaha menjamin kebahagiaan dan kerukunan berumah tangga. Meskipun begitu, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama tentang kedudukan nilai sekufu yang dituntut oleh Islam sebagai asas pertimbangan dalam pemilihan pasangan hidup. Menurut Imam Malik bin Anas dalam kitab *al-Mudawwanah*, sekufu bukan sebahagian daripada syarat perkahwinan. Hal ini bermakna perkahwinan tetap sah walaupun tidak mempunyai nilai sekufu atau tidak sama taraf. Pandangan ini merupakan pegangan mazhab Maliki. Pandangan kedua pula, jumhur ulama (majoriti) berpandangan bahawa sekufu merupakan sebahagian



Nilai sekufu dilihat sangat penting sebagai asas pertimbangan agar rumah tangga yang dibina kelak tidak dihiasi dengan herdikan mahupun kata-kata nista dan kesat, sebagai kesan daripada taraf dan cara hidup yang berlainan.

daripada syarat perkahwinan.

Namun demikian, dalam kalangan jumhur ulama, para ulama berselisih atau berbeza pandangan tentang kedudukan sekufu sama ada termasuk dalam syarat sah ataupun syarat lazim. Perbezaan ini dapat dilihat sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Nujaim dalam kitabnya, *Bahr al-Rai'iq* bahawa di sisi mazhab Hanafi melalui riwayat Hasan dan Imam Ahmad, sekufu merupakan syarat sah perkahwinan. Jika syarat ini tidak dipenuhi, maka tidak sah sesuatu perkahwinan sejak awal akad.

Selain itu, menurut Ibn al-Muqri dalam kitabnya, *Asna al-Mathalib*, beliau menukilkan pendapat jumhur dalam hal ini


dengan menyatakan bahawa sekufu merupakan syarat lazim. Syarat lazim merujuk makna syarat yang perlu dipenuhi bagi meneruskan perkahwinan sedia ada kerana wali atau pengantin perempuan tidak merasakan sekufu (setaraf) dengan suaminya. Jika syarat tersebut tidak dipenuhi, maka wali mempunyai hak untuk membubarkan perkahwinan tersebut.

Setelah jelas tentang kedudukan nilai sekufu di sisi syariat Islam, para ulama turut membahaskan tentang ciri atau kriteria sekufu seperti yang dituntut oleh Islam. Dalam hal ini, Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyah dalam kitabnya, *Zad al-Ma'ad* telah menjelaskan perbahasan oleh para ulama tentang ciri sekufu. Beliau menjelaskan bahawa para ulama telah berbeza pendapat tentang ciri sekufu. Imam Malik dalam zahir mazhabnya berpandangan bahawa ciri sekufu adalah dari sudut keagamaan. Dalam riwayat lain daripada Imam Malik, sekufu adalah pada tiga sudut, iaitu agama, merdeka dan selamat daripada keaiban.

Imam Abu Hanifah pula berpandangan bahawa ciri sekufu adalah pada nasab keturunan dan agama. Imam Ahmad bin Hanbal pula berpandangan bahawa ciri sekufu adalah pada agama dan nasab secara khususnya, manakala para ashab Imam Syafii berpandangan bahawa sekufu diambil kira dari segi agama, nasab, merdeka, kepakaran dan juga sejahtera daripada keaiban yang menyebabkan orang jauh daripadanya.

Namun begitu, sekufu pada nasab keturunan dilihat sebagai kurang tepat. Hal ini dapat dilihat sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Ibn Qayyim dengan menyatakan bahawa soal keturunan dan pekerjaan tidak diambil kira dalam nilai sekufu. Begitu juga tidak diambil kira soal taraf kaya atau miskin. Maka itu, dibolehkan untuk golongan selain Quraisy berkahwin dengan wanita berbangsa Quraisy, serta dibolehkan untuk orang yang miskin bernikah dengan perempuan yang kaya. Demikian menurut Imam Ibn Qayyim.

Selain itu, pada zaman Nabi Muhammad SAW, Baginda pernah mengahwinkan beberapa orang sahabat lelaki atau perempuan yang berbangsa Quraisy dengan pasangan yang bukan berbangsa Quraisy. Misalnya, Baginda telah mengahwinkan sahabat bernama Bilal bin Rabah r.a. dengan saudara



Sekufu merupakan antara perkara yang perlu diberi pertimbangan sebelum membina sesebuah perkahwinan.

perempuan Abd Rahman bin 'Auf yang berbangsa Quraisy, sedangkan Bilal bukan daripada bangsa Quraisy. Hal ini membuktikan bahawa nilai taraf kehidupan tidak diambil kira dalam soal sekufu melainkan setaraf pada sudut agama sahaja.

Demikianlah penjelasan ringkas tentang sekufu dalam perkahwinan. Sesungguhnya setiap perkara yang dituntut dan

dikehendaki oleh syariat pastinya memiliki kebaikan untuk umat Islam. Nilai sekufu dilihat sangat penting sebagai asas pertimbangan agar rumah tangga yang dibina kelak tidak dihiasi dengan herdikan mahupun kata-kata nista dan kesat, sebagai kesan daripada taraf dan cara hidup yang berlainan.

Islam tidaklah menghalang umatnya daripada berkahwin dengan sesiapa sahaja yang dipilih. Namun begitu, Islam datang dengan memberikan garis panduan supaya kita tidak merasai ketidakadilan dalam hidup berumah tangga, lebih-lebih lagi pada zaman sekarang yang serba menguji. Nilai sekufu bukanlah untuk memisahkan antara dua darjat, dan bukan pula untuk menafikan keikhlasan dalam percintaan. Akan tetapi, hal tersebut sekadar pedoman untuk kita benar-benar mencapai tujuan perkahwinan, iaitu untuk menggapai kebahagiaan, ketenangan dan kasih sayang.



Doa Mohon Pasangan dan Zuriat yang Baik

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya:

“Wahai Tuhan kami, anugerahilah kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang bertakwa.”

(Surah al-Furqan 25:74)